

SURAT SETUJU TERIMA

Rujukan Kami : MPC(PCT)400-5/1/5(1)
Tarikh : 7 Mei 2021

TOP FORESIGHT SDN BHD

1, BlockA1-13A-01, Arcoris No 10,
Jalan Kiara, Mont Kiara
50480 Kuala Lumpur Malaysia
(UP: En. Anthony El Tan)

SEBUTHARGA UNTUK: PERKHIDMATAN TENAGA PENGAJAR DAN FASILITATOR BAGI PROJEK E-SHARED PROSPERITY ORGANISATION (ESPO) MEI SEHINGGA JULAI 2021

NO. SEBUTHARGA B: MPC 14/2021

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju menerima tawaran sebutharga syarikat Tuan dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia Empat Puluh Lapan Ribu, Tiga Ratus Dua Puluh Ringgit Sahaja (RM 48,320.00) (Tidak termasuk 6% SST)**

2. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan harga yang telah dinyatakan dalam dokumen sebutharga oleh pihak Tuan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan seperti jadual di bawah dan Lampiran A1.

Fasa	Spesifikasi	Jumlah (RM)	Output
1 (25%)	1. Memberi latihan berkenaan tiga (3) komponen utama Productivity-Linked Wages System (PLWS) 2. Menyelaras dan menyediakan laporan mingguan syarikat/ organisasi yang telah diberikan latihan dan diperakukan sijil eSPO 3. Jumlah organisasi = 2000	12,080.00	Memastikan 2000 syarikat telah diberi latihan dan mempunyai dokumen bukti kerja untuk pembayaran
2 (25%)		12,080.00	
3 (25%)		12,080.00	
4 (25%)		12,080.00	
Jumlah (RM) tidak termasuk 6% SST		48,320.00	

3. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat Tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya syarikat Tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan.

4. Syarikat Tuan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat Tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 3 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) syarikat Tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
- (c) syarikat Tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (d) syarikat Tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (e) syarikat Tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga Surat ini ditandatangani;
- (f) syarikat Tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- (g) syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan/membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**;
- (h) syarikat Tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen *sebut harga/tender;
- (i) syarikat Tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;

- (j) syarikat Tuan digulungkan;
- (k) syarikat Tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (l) syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (m) syarikat Tuan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
- (n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

5. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 4, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat Tuan termasuk kerugian masa hadapan.

6. Bersama-sama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dalam tiga (3) salinan untuk ditandatangani oleh pihak Tuan. Sila kembalikan dua (2) salinan yang telah ditandatangani oleh pihak Tuan dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan, ke pejabat ini dalam **tempoh tujuh (7) hari** dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)